

06/10/1997

Cuti bersalin kakitangan awam 60 hari

KUALA LUMPUR, Ahad - Cuti bersalin bagi kakitangan perkhidmatan awam akan ditambah daripada 42 kepada 60 hari mulai akhir tahun ini bagi membolehkan tempoh rehat mencukupi diberi kepada golongan itu.

Pekeliling berhubung penambahan cuti bersalin itu akan diedarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum akhir tahun ini.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Mohamed Mat Jid, berkata JPA kini mengkaji cadangan itu dan dijangka tidak menghadapi sebarang masalah meluluskan cuti tambahan berkenaan, yang akan meletakkan kakitangan perkhidmatan awam setaraf dengan sektor swasta.

"Cuti panjang itu membolehkan kakitangan wanita menyiapkan keperluan keluarga masing-masing sebelum bekerja semula. Jika sudah bersiap sedia, mereka tentu dapat menumpukan perhatian kepada kerja nanti.

"Kita sudah mengadakan beberapa mesyuarat dengan JPA sebelum ini dan maklum balas diterima menunjukkan kerajaan tidak ada masalah untuk melaksanakannya," katanya ketika dihubungi petang ini.

Mei lalu, Cuepacs mengemukakan permohonan menambah cuti bersalin itu kepada JPA dan beberapa perbincangan sudah diadakan.

Kakitangan awam wanita setakat ini hanya memperolehi cuti bersalin 42 hari saja, berbanding kakitangan sektor swasta yang mendapat cuti selama 60 hari.

Sementara itu, memberitahu pemberita selepas majlis perasmian Mesyuarat Perwakilan Kesatuan Bidan-Bidan dan Jururawat Desa Kerajaan Semenanjung Malaysia (KBJDSM) di Pekan semalam, Mohamed berharap pekeliling tambahan cuti bersalin diedarkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan secepat mungkin.

Menurutnya, Cuepacs akan turut mengadakan perbincangan lanjut dengan kerajaan untuk menaikkan had cuti bersalin, yang ketika ini hanya sehingga lima anak, dikaji semula.

"Kita akan merayu kepada kerajaan supaya semua kakitangan awam wanita yang bersalin anak keenam dan seterusnya tetap mendapat keistimewaan cuti bersalin dan bukannya cuti tanpa gaji seperti sekarang.

Mohamed berkata, pertubuhan bukan kerajaan dan Majlis Pertubuhan Kebangsaan Wanita turut menyokong cadangan Cuepacs memohon mendapatkan tambahan cuti itu.

Mengulas perkembangan lain, Cuepacs mendesak media asing supaya jangan campur tangan dan memporak-perandakan kepemimpinan negara, dengan membuat khabar angin kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu meletak jawatan.

Beliau berkata, semua kesatuan sekerja antarabangsa diminta untuk tidak menerima laporan media asing terbabit, kerana ia berniat jahat dan cuba menjatuhkan nama baik pemimpin negara.

(END)